

**Majoriti Tipis Presiden Singapura Cerminkan Perubahan Pemikiran Rakyat Bernama  
28 Ogos 2011**

SINGAPURA, 28 Ogos (Bernama) -- Kemenangan tipis bekas timbalan perdana menteri Dr Tony Tan Keng Yam pada pilihan raya presiden Singapura mungkin mencerminkan perubahan pemikiran rakyatnya dalam menentukan hala tuju mereka.

Tony Tan menjadi presiden ketujuh Singapura selepas memenangi pertandingan empat penjujur dengan majoriti 7,269 undi atau 0.34 peratus selepas kiraan semula.

Beliau memperolehi 744,397 undi atau 35.19 peratus, sementara Dr Tan Cheng Bock menerima 737,128 undi atau 34.85 peratus.

Tan Jee Say pula mendapat 529,732 undi atau 25.04 peratus dan Tan Kin Lian menerima 103,931 undi (4.91 peratus).

Jabatan Pilihan Raya Singapura mengarahkan kiraan semula selepas kiraan kali pertama menyaksikan perbezaan jumlah undi dua calon teratas hanya dua peratus. Pilihan raya presiden pada Sabtu merupakan pertandingan pertama sejak 1993 apabila Ong Teng Cheong menang dalam pertandingan satu lawan satu.

Pilihan raya itu juga yang pertama disertai ramai calon bagi Singapura.

Rakyat republik itu kini tidak lagi seperti dulu yang mudah terpedaya dengan janji manis yang dibuat sekadar untuk memenangi hati mereka.

Kali ini parti memerintah iaitu Parti Tindakan Rakyat (PAP) mesti berusaha sedaya upaya untuk mengotakan semua janji yang dibuat pada pilihan raya umum lepas.

Sememangnya tidak dapat dinafikan parti itu telah mengambil pelbagai langkah bagi memenuhi janjinya susulan kemerosotan ekonomi yang mengakibatkan peningkatan inflasi dan kos sara hidup di republik tersebut.

Justeru, presiden baru Singapura itu mesti memainkan peranan yang berkesan dalam melaksanakan janjinya ketika tempoh berkempen.

Ketika berkempen, Tony Tan yang berpengalaman luas dalam sektor ekonomi dan kewangan, dengan yakin berkata beliau mampu membantu Singapura menghadapi krisis kewangan dan ekonomi seterusnya.

Sekalipun mengakui sebagai presiden beliau tidak mempunyai kuasa eksekutif kecuali dalam lima perkara yang ditetapkan Perlembagaan, namun kata Tony Tan presiden tetap mempunyai pengaruh.

"Presiden boleh mendampingi perdana menteri, jemaah menteri dan akses kepada semua kertas Kabinet," katanya.

Beliau juga berjanji untuk menggalakkan rakyat Singapura meneroka bidang baru dan menjadikan impian mereka sebagai kenyataan.

Seperti yang diketahui ramai Tony Tan yang disifatkan calon paling disukai Perdana Menteri Lee Hsien Loong, mempunyai kaitan dengan parti memerintah.

Beliau berupaya memainkan peranan dalam memberi keyakinan kepada rakyat Singapura bahawa PAP masih relevan dan ikhlas dalam meningkatkan taraf hidup rakyat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610891>